

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Ko-Kurikulum
Sent: Monday, 21 September, 2015 6:58 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Kamarul Faizal Bin Hashim; Dr. Azlizan bin Talib; Sr. Dr. Mohd. Nazaruddin b. Yusoff @ Abdul Rahman; Dr. Izwan Nizal Bin Mohd Shahraneer; Kamaludin B Chin
Subject: Perkhemahan Kemahiran Pengakap Sekolah-Sekolah Daerah Kubang Pasu



21 SEPTEMBER 2015, ISNIN | 7 ZULHIJJA 1436H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Yang Berbahagia Dato' Seri/Datuk/ Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan/Saudara/i:



PKOK Online: Inisiatif Kumpulan Latihan Kelana Siswa (KLKM) Pusat Kokurikulum Universiti Utara Malaysia menganjurkan Perkhemahan Kemahiran Pengakap Sekolah-Sekolah Daerah Kubang Pasu mendapat sambutan peserta daripada SK Bandar Baru Sintok, SK Paya Kemunting, SK Batu 8 Changloon, SK Permatang Paku, SMK Seri Mahawangsa, SMK Paya Kemunting, SMK Jitra dan SMK Bandar Baru Sintok yang diadakan selama 3 hari 2 malam di tapak Kem Sintok UUM baru-baru ini.

Program yang bertujuan memberi bimbingan kepada pelajar tentang kemahiran berpengakap turut mendapat kerjasama daripada pihak Eagle Rovers Scout melalui pelbagai aktiviti walaupun dalam masa yang terhad termasuklah gotong royong dan malam kebudayaan.

Menurut Pesuruhjaya Pengakap Daerah KLKM UUM yang juga Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Kerajaan, Sr. Dr. Mohd. Nazaruddin Yusoff @ Abdul Rahman program sebegini mampu melatih pelajar dalam melahirkan individu yang berpotensi tinggi dari segi fizikal, intelek, sosial, rohani serta mempunyai tanggungjawab kepada masyarakat dan negara.

Jelasnya lagi, program ini membantu murid-murid memahami dan menghayati tentang perihal kemahiran berpengakap seterusnya membuka ruang kepada pelajar mendalami kemahiran-kemahiran yang perlu ada sebagai seorang pemimpin, khasnya menjadi pemimpin yang berkualiti.

Rata-rata peserta amat berpuas hati dengan perkhemahan kemahiran pengakap ini. Lantas program seumpama ini amatlah diharap dapat diteruskan pada masa akan datang dalam usaha mendidik generasi 'y' memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara.

=====

DARIPADA:
PUSAT KOKURIKULUM
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3510
FAKS: 04-928 3502

